

Headline	Peluang sambung belajar ke UiTM		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,604
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,811



Peluang sambung belajar ke UiTM

Individu keciciran pelajaran, terus dibantu melalui Program Mengubah Destini Anak Bangsa

KUALA NERANG - Pelajar cemerlang namun keciciran untuk melanjutkan pelajaran akibat pelbagai masalah terus dicari bagi membantu mereka keluar dari kepompong kesusahan melalui Program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB).

Justeru, seramai 400 pelajar sekitar Padang Terap menghadiri program itu anjuran Biro Pendidikan Umno Padang Terap, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu cawangan Kuala Nerang dengan mendapat kerjasama dari Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM) di Dewan Tunku Putra, Majlis Padang Terap (MDPT) baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar UiTM, Karim Kasnan ber-

kata, program itu bertujuan membantu pelajar miskin di seluruh Malaysia dengan pendapatan keluarga mereka di bawah RM3,000 serta gagal mendapat tempat di pusat pengajian tinggi.

Menurutnya, pelajar yang menyertai program itu hanya perlu mendapat tiga kepujian termasuk Bahasa Melayu dan dua subjek lain.

"Program yang julung kali diadakan di Padang Terap ini untuk mencungkil pelajar cemerlang tetapi tercicir dalam keputusan peperiksaan kerana masalah kewangan keluarga. Pelajar yang terpilih nanti akan mula berdaftar pada Jun dan November nanti dan mereka hanya akan belajar dalam subjek Matematik, Bahasa

Inggeris, Pendidikan Islam dan Pembangunan Islam selama enam bulan.

"Pelajar yang cemerlang dalam program ini akan diberi bantuan biasiswa selanjutnya oleh Yayasan Destini Anak Bangsa dan semua ini ialah ilham dari Perdana Menteri dan Naib Canselor UiTM yang mahu melahirkan ramai pelajar cemerlang dari kawasan luar bandar," katanya.

Program yang bermula sejak 2010 itu kini sudah menghasilkan seramai 24,668 pelajar berjaya melanjutkan pelajaran ke UiTM di seluruh negara.

Melalui program ini juga sudah melahirkan dua pelajar cemerlang yang menerima Anugerah Naib Canselor

pada Konvokesyen UiTM 2013 lalu.

Majlis itu telah dirasmikan Adun Kuala Nerang, Badrol Hisham Hashim. Turut hadir, Ketua Biro Pendidikan Umno Padang Terap, Zainol Ramli dan Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu cawangan Kuala Nerang, Ahmad Shariff.

Sementara itu, Zainol Ramli berkata, sambutan pelajar di Padang Terap terhadap program itu menggalakkan dan pihaknya akan memberi kerjasama dengan UiTM bagi meneruskan program ini pada masa hadapan.

"Proses kesinambungan pembelajaran ini adalah suatu transformasi dalam dunia pendidikan," katanya.



KARIM

Headline	Peluang sambung belajar ke UiTM		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	41	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,604
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,811



Badrol Hisham bersalaman dengan pelajar yang menghadiri Program Mengubah Destini Anak Bangsa di Dewan Tunku Putra, Kuala Nerang baru-baru ini.